

7414

B 21-03 00173 BA433

Segi Tiga
oleh Sukardi Abdul Ghany

JAKARTA, 21 Mac (Bernama) — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Ahmad mempersetujui cadangan pembangunan kerjasama ekonomi sebuah kawasan segi tiga membabitkan Malaysia, Indonesia dan Thailand. Cadangan +Segi Tiga Utara+ itu, yang serupa dengan konsep pertumbuhan ekonomi segi tiga membabitkan Johor Baharu, Singapura dan Pulau Batam di Indonesia, akan menghubungkan Pulau Pinang, Medan dan Aceh di Sumatra utara Thailand di Thailand selatan di bawah program ekonomi yang diselaraskan. Datu Malaysia ke sini, Datuk Abdullah Zawawi Haji Mohamed, berkata kerjasama itu mungkin dimulakan tidak lama lagi memandangkan para pemimpin negara-negara berkenaan mempunyai persefahaman yang rapat bagi mempertingkatkan hubungan ekonomi bagi faedah bersama. Pemimpin Indonesia juga menyambut baik cadangan itu manakala Kerajaan Pulau Pinang telah memulakan inisiatif dengan Kerajaan Persekutuan untuk mengadakan kerjasama seumpama itu, katanya. Datuk Abdullah berkata demikian pada majlis perletakan batu asas kompleks pejabat Konsul Besar Malaysia di Medan. Teks ucapan beliau dikeluarkan sini hari ini. — Lagi.

703/13-32MST

7415

B 21-03 00161 BA434

Segi Tiga 2 Jakarta

Menteri Pulau Pinang Dr Koh Tsu Koon, yang berada di sini bulan lepas, telah bertemu dengan para pegawai Indonesia bagi membincangkan cadangan itu, yang mula-mula dikemukakan pada satu seminar antarabangsa di Pulau Pinang dalam bulan Ogos tahun lepas. Berasaskan kepada pertumbuhan kawasan tiga segi Johor Bahru-Singapura-Batam, Datuk Zawawi berkata bahawa pihak berkuasa berpendapat adalah sesuai untuk memulakan kerjasama yang serupa bagi negeri utara Malaysia, wilayah utara Indonesia dan wilayah selatan Thailand. Sebagai tambahan, Pulau Pinang dan Medan telah menikmati hubungan rapat di bawah program bandaraya kembar beberapa tahun lepas, katanya. Beliau berkata bahawa pihak berkuasa membayangkan penyertaan sektor swasta di bawah kerjasama itu bagi memudah dan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, terutama dalam kawasan segi tiga. Katanya: +Secara umumnya, wilayah Sumatra tidak perlu diperkenalkan kepada rakyat Malaysia. Mereka merupakan pelawat terbesar ke wilayah itu dan ada sebagai pelancong, penuntut atau peniaga,+ katanya. Penerbangan Malaysia terpaksa menambah penerbangan berjadualnya ke Medan daripada satu setiap hari menjadi sembilan setiap minggu bagi menampung permintaan yang meningkat manakala hubungan biasa melalui laut dipertingkatkan,+ kata Datuk Zawawi. Beliau juga berkata bahawa keputusan Malaysia untuk membina sebuah pejabat Konsul Besar di Medan berharga \$3 juta didorong oleh keperluan ekonomi dan perdagangan memandangkan wilayah itu penting kepada Malaysia. Itu kerana Indonesia penting dalam perspektif hubungan luar Malaysia, sebagai usaha sedang dijalankan bagi mempertingkatkan hubungan dua hala bagi faedah bersama dan kestabilan serantau, tambah beliau. Menurut para pegawai, tumpuan utama peluang yang ditawarkan dalam kawasan segi tiga itu ialah dalam bidang pelancongan dan pelaburan, yang dihasilkan oleh kedudukannya yang strategik serta perhubungan yang mudah. — Bernama.

703/13-41MST